

Pembangunan Kg. Baru tidak sisih orang Melayu

KUALA LUMPUR 21 Sept. - Dakwaan bahawa pembangunan Kampung Baru akan 'menge-luarkan' orang Melayu dari ibu kota adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kepentingan dan kedudukan orang Melayu menjadi teras kepada sesuatu usaha pembangunan Kampung Baru, seperti yang dipe-runtukkan dalam Akta Perbadanan P e m b a n g u n a n Kampung Bharu.

"Ia (akta) sendiri meletakkan ba-hawa kepentingan orang Melayu termasuk kepentin-gan sosial, ekono-mi, warisan budaya dan nilai sejarah akan diberi keu-tamaan dalam setiap pemban-gunan yang hendak dilaksana-kan.

"Saya juga diberitahu telah ditetapkan bahawa sebarang pembangunan di Kampung Baru juga perlu tepati garis panduan seni bina Melayu Islam yang telah disediakan. Ini bermakna pembangunan Kampung Baru mengambil kira setiap aspek warisan dan sejarahnya dan ia akan kekal sebagai simbol kebanggaan orang Melayu di tengah ibu kota," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu tayangan video lima minit bagi merasmikan sesi townhall bersama pemilik dan pewaris Kampung Baru yang turut dihadiri Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, idea pembangunan semula Kam-pung Baru telah lama dibin-cangkan seawal tahun 80-an dan 90-an dan kerajaan menerima pelbagai cadangan serta maklum balas mengenainya.

"Ada yang sokong dan ada yang sebaliknya. Malangnya setelah berabad berlalu, Kam-pung Baru masih seperti mana tahun-tahun terdahulu. Ia pamer dua wajah yang bercanggah.

"Di satu pihak ia sebagai simbol kebanggaan orang Melayu di ibu kota, dan di satu pihak Kuala Lumpur pesat membangun men-jadi metropolis, masa seolah-olah



MAHATHIR MOHAMAD

berhenti di Kam-pung Baru dan keadaan yang tidak teratur dan kesesakan membuatkan ia bukan satu tempat selesa," katanya.

Oleh itu, untuk mengatasi masalah tersebut, Dr. Mahathir berkata, rombakan diperlukan untuk membangunkan semu-la Kampung Baru, dan sekira-nya tidak dilakukan, ia akan bertentangan dengan keadaan sekeliling yang menyebabkan Kampung Baru kelihatan 'ter-himpit' di tengah kepesatan pembangunan dan terpinggir daripada arus pemodenan.

Beliau berkata, sebahagian besar orang Melayu sendiri tidak lagi memilih untuk ting-gal di Kampung Baru dan lebih malang lagi, orang asing mula mendiami dan menjalankan perniagaan di kawasan terse-but. - BERNAMA